



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK JKR 2021 - 2025

**DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR
MENARA LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)**

29 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

SALUTASI

YANG BERHORMAT DATO' EDDIN SYAZLEE BIN SHITH

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBHG. DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBHG. DATO' AHMAD NADZRI BIN EMBONG

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kerja Raya

YBHG. DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah Kerja Raya

YBrs Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya

Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan dan Negeri, Jabatan Kerja Raya

Rakan-Rakan Media

Pegawai-pegawai JKR, seterusnya para hadirin yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T atas perkenan dan izin-Nya dapat kita berhimpun dalam **Majlis Pelancaran Pelan Strategik JKR 2021 – 2025** di Dewan Tan Sri Abu Zahar, Menara LPP pada pagi ini dalam keadaan yang cukup harmoni.
2. Sebagai sebuah jabatan teknikal terulung di negara ini, JKR adalah penggerak dalam pembangunan infrastruktur negara ke arah merealisasikan Misi dan Visi negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.
3. Hasrat ini adalah selari dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju.
4. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana telah berjaya menghasilkan dokumen Pelan Strategik JKR 2021–2025 yang dibangunkan selari dengan matlamat WKB 2030.
5. Sesungguhnya, penghasilan Pelan Strategik Jabatan adalah penting dan signifikan bagi meneruskan kecemerlangan organisasi yang sentiasa mengutamakan amalan budaya kerja inovatif dan kreatif melalui warganya yang berintegriti, pantas dan profesional.

Hadirin sekalian,

6. Seiring dengan perubahan masa, Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensi-agensi di bawahnya pasti berdepan dengan tekanan dan cabaran dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi rakyat. Cabaran-cabaran besar yang kita hadapi pada hari ini, terutamanya situasi pasca COVID-19 perlu ditangani dengan lebih efisien dan efektif demi menggerakkan ekonomi negara dan pada masa yang sama membantu kerajaan membendung penularan pandemik ini.
7. Justeru itu, komitmen, kesepakatan dan kerjasama erat melalui strategi-strategi yang lebih memberi impak serta disokong oleh dasar strategik di antara KKR dan JKR adalah amat penting ke arah mencapai matlamat penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.
8. Penghasilan Pelan Strategik JKR 2021 – 2025, penetapan beberapa lonjakan dan strategi serta sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilihat sebagai usaha yang murni dan seiring dengan matlamat serta hala tuju negara.
9. Hala tuju strategik JKR 2021 – 2025 adalah berdasarkan kepada lima (5) Tema Strategik iaitu:
 - i) Tema 1: Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh
 - ii) Tema 2: Pengalaman Ko-Kreatif Bersama Pelanggan
 - iii) Tema 3: Pusat Kecemerlangan Teknikal

iv) Tema 4: Memacu Kelestarian

v) Tema 5: Organisasi Inovatif

Hadirin sekalian,

9. Saya yakin melalui penghasilan Pelan Strategik JKR 2021 – 2025 ini, JKR telah menzahirkan komitmen padu dan tidak berbelah bahagi dalam usaha merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) terutamanya melalui dua (2) Teras Strategik Utama iaitu Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama dan Transformasi Modal Insan.
10. JKR dilihat sentiasa komited dan bermotivasi untuk melipatgandakan usaha bagi menambah baik kualiti sistem penyampaian perkhidmatan melalui inisiatif-inisiatif dan sasaran-sasaran yang ditetapkan dalam pelan strategik ini.
11. Besar harapan saya agar dokumen Pelan Strategik JKR 2021 – 2025 ini akan dapat direalisasikan dan memberi impak yang baik kepada pelanggan dan pemegang taruh.
12. Semangat moto JKR “Jasa Kepada Rakyat” perlulah dihayati sepenuhnya dan diterjemahkan melalui kejayaan dan kegemilangan yang akhirnya akan dinilai oleh rakyat.
13. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan SYABAS dan TAHNIAH kepada Pengurusan JKR atas pelancaran dokumen Pelan Strategik JKR

2021-2025 pada hari ini. Semoga setiap warga JKR dapat memberikan kerjasama sepenuhnya dalam merealisasikan inspirasi JKR ini demi melakar kejayaan yang lebih cemerlang sebagai sebuah agensi teknikal utama terbaik bertaraf dunia pada masa akan datang.

14. Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’, saya dengan ini sukacitanya merasmikan *Majlis Pelancaran Pelan Strategik JKR 2021 – 2025*.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah assalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.